

Kertas 1

3.1 Nasionalisme di Negara Kita Sebelum Perang Dunia

- 1 Apakah matlamat perjuangan Tok Janggut di Pasir Puteh, Kelantan? (BT m.s. 52) (TP1) (ARAS: R)
- Mempertahankan agama Islam
 - Mempertahankan wilayah miliknya
 - Mendapatkan sokongan sebagai pemimpin
 - Mempertahankan hak sebagai pemungut cukai

3.2 Latar Belakang Perang Dunia

- 2 Senarai berikut menunjukkan anggota Pakatan Bertiga sebelum meletusnya Perang Dunia Pertama 1914.

(BT m.s. 54) (TP2) (ARAS: T)

- Britain
- Perancis
- Rusia

Apakah implikasi kewujudan pakatan ketenteraan tersebut?

- Ketidakstabilan politik di Eropah dibendung
 - Peningkatan pembekalan senjata peperangan
 - Pembahagian wilayah jajahan antara negara Eropah
 - Berlaku persaingan kuasa dalam kalangan negara Eropah
- 3 Perjanjian berikut ditandatangani antara Pakatan Bertiga dengan Jerman yang membawa kepada penubuhan Liga Bangsa-Bangsa.

(BT m.s. 56) (TP2) (ARAS: S)

Perjanjian Versailles

Apakah matlamat penubuhan liga tersebut?

- Mewujudkan perpaduan di rantau yang bergolak
- Mengawal aktiviti pakatan ketenteraan di Eropah
- Menggalakkan keamanan dan kerjasama antarabangsa
- Membincangkan syarat perdamaian bagi menamatkan perang

3.3 Perang Dunia Kedua

- 4 Kemunculan ideologi berikut adalah antara faktor yang mencetuskan Perang Dunia Kedua di Eropah.

(BT m.s. 58) (TP3) (ARAS: S)

Ideologi	Negara
Fasisme	Itali
Nazisme	Jerman

Apakah yang diharapkan oleh Itali dan Jerman daripada pencetus ideologi tersebut?

- Menangani krisis kemelesetan ekonomi
- Mengembalikan maruah bangsa dan negara
- Menyekat kemaraan Pakatan Bertiga di Eropah
- Menamatkan perjanjian pasca perang yang berat sebelah

- 5 Kegagalan Liga Bangsa-Bangsa menjalankan tanggungjawabnya dalam memastikan keamanan dunia mengakibatkan meletusnya Perang Dunia Kedua. Apakah krisis-krisis yang gagal ditangani oleh liga tersebut? (BT m.s. 59) (TP3) (ARAS: T)
- Pencerobohan Itali di wilayah Poland
 - Peluasan kuasa Jepun di Asia Tenggara
 - Kemunculan negara baharu yang tidak terkawal
 - Keingkaran Jerman mematuhi Perjanjian Versailles

3.4 Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik

- 6 Jepun mewujudkan orde baharu di Asia Timur yang merangkumi beberapa buah negara yang disatukan ke dalam satu blok ekonomi yang akan dikembangkan ke seluruh Asia.

Apakah matlamat utama pelaksanaan orde tersebut?

(BT m.s. 64) (TP4) (ARAS: S)

- Mewujudkan kebebasan ekonomi
- Membebaskan Asia daripada cengruman Eropah
- Membawa pembaharuan ke wilayah yang dikuasai
- Membantu negara Asia mendapatkan kemerdekaan

- 7 Amerika Syarikat telah mengenakan sekatan ekonomi terhadap Jepun bagi menghalang Jepun daripada memperoleh bahan mentah yang diperlukan untuk operasi perangnya. (BT m.s. 65) (TP4) (ARAS: S)

Bagaimanakah Jepun menangani sekatan tersebut?

- Menguasai Asia Tenggara
- Menyerang wilayah jajahan pihak Bersekutu
- Mewujudkan pakatan ketenteraan dengan Jerman
- Melancarkan imperialisme di seluruh Asia Pasifik

3.5 Faktor Kedatangan Jepun ke Negara Kita

- 8 Penguasaan pangkalan tentera laut British di Singapura penting bagi ketenteraan Jepun.

Apakah yang mendorong Jepun untuk menguasai pangkalan tersebut? (BT m.s. 68) (TP3) (ARAS: S)

- Membuka pasaran baharu bagi perindustrian Jepun
- Melumpuhkan pertahanan British di Tanah Melayu
- Menubuhkan pangkalan tentera di Asia Tenggara
- Menguasai sumber minyak di Sumatera

- 9 Peristiwa berikut berkaitan dengan serangan Jepun terhadap negara kita.

Penenggelaman kapal *Repulse* dan *Prince of Wales* di perairan Kuantan

Mengapakah Jepun menenggelamkan kedua-dua kapal milik British tersebut? (BT m.s. 69) (TP2) (ARAS: R)

- Melabuhkan kapal laut milik Jepun
- Membina pangkalan tentera laut Jepun
- Melumpuhkan pertahanan tentera British
- Memberi peluang kepada kapal-kapal asing untuk berlabuh

3.6 Dasar Pendudukan Jepun di Negara Kita

10 Apakah dasar pentadbiran yang dilaksanakan oleh Jepun untuk mendapatkan sokongan orang Melayu?

BT m.s. 71

TP2

ARAS: R

- I Mengiktiraf kedudukan Raja-raja Melayu
- II Menyerap pemimpin tempatan ke dalam pentadbiran Jepun
- III Mempersiapkan pemimpin tempatan ke arah berkerajaan sendiri
- IV Melantik pemimpin tempatan mengetuai pasukan keselamatan Jepun

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

11 Berikut ialah dasar sosial yang telah diperkenalkan oleh Jepun semasa menduduki negara kita.

BT m.s. 72

TP2

ARAS: R

Kempen "Tambah Lebih Banyak Makanan"

Bagaimanakah Jepun melaksanakan kempen ini?

- A Mengawal penjualan barangan makanan asas
- B Mengadakan catuan makanan secara berperingkat
- C Mengurangkan pengimportan barangan keperluan
- D Menggalakkan penduduk menanam bahan makanan sendiri

12 Keperitan hidup semasa pemerintahan Jepun telah berjaya menyemai sifat rajin dan kreatif dalam kalangan masyarakat tempatan.

Bagaimanakah situasi ini dapat membantu penduduk ketika itu?

BT m.s. 72

TP4

ARAS: S

- A Menghasilkan ciptaan baharu berasaskan bahan tempatan
- B Membangunkan sistem perdagangan yang tidak dikawal oleh Jepun
- C Mewujudkan kerjasama ekonomi yang menyatupadukan semua kaum
- D Mencipta peralatan untuk mengurangkan kebergantungan kepada Jepun

3.7 Perjuangan Rakyat Menentang Pendudukan Jepun

13 Bagaimanakah pasukan Force 136 menentang pendudukan Jepun di Tanah Melayu?

Buku Teks: m.s. 76-77

TP4

ARAS: S

- I Mendapatkan bantuan MPAJA
 - II Bekerjasama dengan Wataniah Pahang
 - III Menubuhkan pasukan gerila anti-Jepun
 - IV Mendapatkan bantuan tentera Bintang Tiga
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

3.8 Perkembangan Gerakan Nasionalisme Tempatan dan Pendudukan Jepun

14 Semasa pendudukan Jepun, Kesatuan Melayu Muda (KMM) telah memberi kerjasama dalam menyebarkan propaganda Jepun.

Mengapakah KMM bertindak sedemikian?

BT m.s. 80

TP4

ARAS: S

- A Mendapatkan kemerdekaan Tanah Melayu
- B Perjuangan KMM mendapat persetujuan Jepun
- C Mewujudkan kerjasama untuk memajukan negara
- D Mendapatkan pengiktirafan Jepun sebagai parti politik yang sah

15 Apakah yang mendorong perkembangan gerakan nasionalisme semasa pendudukan Jepun di negara kita?

BT m.s. 80

TP4

ARAS: S

- I Kejayaan Jepun mengalahkan British
 - II Kegagalan sekatan ekonomi pihak Bersekutu
 - III Penahanan beberapa pemimpin gerakan radikal
 - IV Keengganan Jepun memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

3.9 Keadaan Negara Kita Selepas Kekalahan Jepun

16 Kekalahan dan pengunduran Jepun merupakan kesempatan terbaik bagi Bintang Tiga PKM melalui Malayan People's Anti Japanese Army (MPAJA) untuk menghalang segala bentuk penjajahan di negara ini sebelum ketibaan semula pihak British.

Apakah tindakan drastik yang telah diambil oleh MPAJA?

BT m.s. 84

TP4

ARAS: S

- A Mengambil alih penguasaan di Tanah Melayu
- B Melancarkan gerakan gerila menentang British
- C Menubuhkan parti politik yang menyatupadukan semua kaum
- D Menubuhkan Republik Komunis Malaya dengan bantuan Parti Komunis Indonesia

17 Kekejaman tentera Jepun terhadap komuniti Cina telah menyebabkan orang Cina mendapatkan perlindungan daripada Malayan People's Anti Japanese Army (MPAJA).

Apakah kesan penting daripada situasi ini selepas pengunduran Jepun dari negara kita?

BT m.s. 85

TP5

ARAS: T

- I Kebangkitan komunis
 - II Kemunculan parti politik mengikut kaum
 - III Pengiktirafan MPAJA sebagai parti politik yang sah
 - IV Konflik antara orang Cina dengan orang Melayu
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

